


Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran akan bertindak terhadap penjual dan industri yang membekal serta menjual kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) yang tidak mengikut standard.

Menurut kenyataan KPDNHEP, penguatkuasaan undang-undang yang digunakan berkaitan aspek representasi palsu atau mengejirukan dari segi perihal standard keselamatan produk, kelulusan pihak berwibawa.

"Ia juga termasuk ciri-ciri pencapaian, penggunaan serta cap dagangan palsu dan sebagainya dalam aktiviti penjualan atau pengiklanan dalam menawarkan produk kerusi keselamatan kanak-kanak ini oleh peniaga atau industri.

"Beberapa peruntukan melalui perundangan yang kini berkuat kuasa akan digunakan sekiranya berlaku ketidakpatuhan oleh mana-mana pihak dalam aktiviti penjualan kerusi keselamatan kanak-kanak ini



PEKERJA premis jualan barang bayi CRS di sebuah pusat beli-belah, semalam.

Ambil tindakan jual CRS tidak capai standard

sama ada di premis perniagaan atau secara dalam talian bagi memastikan keselamatan pengguna dilindungi.

"Antaranya Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Perihal Dagangan 2011

dan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012.

"Perintah ini boleh membabitkan larangan kepada CRS yang tidak mematuhi spesifikasi standard yang

ditetapkan daripada dijual di premis perniagaan dan tindakan diambil terhadap peniaga yang menjual kerusi berkenaan yang tidak mematuhi standard," kata kenyataan itu di sini, semalam.